



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

ADTEC MELAKA BERPOTENSI SEBAGAI HUB PENGHASILAN TENAGA KERJA LEBIH BERPRESTIJ MASA HADAPAN

YB Encik Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka pada Isnin, 22 April 2024.

TVET berperanan utama dalam mempersiapkan siaga tenaga kerja berteknologi tinggi bagi memenuhi permintaan industri semasa dan masa hadapan. Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah KESUMA menggalas tanggungjawab ini dengan menjalin kolaborasi strategik dalam dan luar negara serta menawarkan pelbagai model latihan yang lebih fleksibel dan relevan dengan trend keperluan semasa. ADTEC Melaka dilihat berpotensi untuk disepadukan bersama industri besar dan dibuat penjenamaan semula. “ADTEC Melaka berpotensi untuk penjenamaan semula dengan berganding bersama syarikat berjenama besar seperti PROTON sebagai hub dalam melahirkan tenaga kerja yang lebih berprestij dalam bidang automotif”, ujar Menteri Sumber Manusia. Perkara ini perlu diperhalusi lanjut bersama pihak PROTON.

Turut berlangsung dalam lawatan kerja ini adalah penyerahan kenderaan elektrik (EV) jenama BYD dan kelengkapan daripada Autotronics Centre of Excellence Sdn. Bhd. kepada ADTEC Melaka bagi tujuan latihan bidang EV. ADTEC Melaka akan melaksana latihan menerusi Pusat Penilaian Amali (PPA) bagi kursus *Battery Electric Vehicle (BEV)*.

YB Menteri turut menyempurnakan upacara Menandatangani Pelan Hala Tuju Latihan TVET Bagi Bidang Tujahan Teknologi Baharu ADTEC Melaka 2024 – 2030. “Pelan hala tuju ini memfokus tiga bidang tujahan berteknologi baharu iaitu bidang Kenderaan Elektrik (EV), Telekomunikasi 5G dan *Industrial Internet of Things*”, jelas Dr. Norhuda binti Salim selaku pengarah ADTEC Melaka.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
23 APRIL 2024